

Elaun hadiri PDK ditambah

DARI MUKA 1

pelatih. Berikutan pelancaran fasa kedua itu, PDK akan dilaksanakan di seluruh negara, tanpa mengira kawasan bandar atau luar bandar.

Perdana Menteri berkata, peruntukan diluluskan itu membabitkan elaun kepada OKU hadir ke PDK ditambah kepada RM150 sebulan berbanding RM50 sebelum ini.

Selain itu, RM1,000 diberikan kepada PDK untuk membiayai utiliti, manakala peruntukan untuk aktiviti dan penganjuran program PDK ditingkatkan kepada RM30,000 daripada RM5,000 sebelum ini. Elaun pekerja PDK pula dinaikkan kepada RM800 daripada RM500 sebelum ini, manakala elaun bagi penyelia kini diperuntukkan RM1,200 sebulan.

Peruntukan bagi pembelian peralatan pemulihan setiap PDK pula dinaikkan kepada RM50,000 daripada RM3,600 sebelum ini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut berterima kasih kepada Bakti yang bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaksanakan Program Semai Bakti untuk kepentingan OKU.

Beliau menjelaskan, OKU boleh memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat jika diberi peluang untuk menjalani pemulihan serta latihan seperti menjadi ahli muzik atau pensyarah.

"OKU tidak semestinya tidak boleh berbuat apa-apa. Ini bergantung kepada kepada apa cara dan bantuan yang diberikan kepada mereka supaya dapat hidup dalam masyarakat," katanya.

OKU dapat peruntukan tambahan RM80.05j

NIBONG TEBAL: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM80.05 juta untuk orang kurang upaya (OKU) menerusi pelaksanaan Program Semai Bakti yang diperluaskan ke seluruh negara.

Daripada jumlah itu, RM60.15 juta diperuntukkan bagi pengurusan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara, manakala RM20.9 juta lagi untuk pembelian peralatan pemulihan serta pembinaan bangunan PDK baru.

Peruntukan tahunan sebanyak RM60.15 juta dan peruntukan sekali gus sebanyak RM20.9 juta itu berkuat kuasa serta-merta. Sebelum ini, kerajaan meluluskan sebanyak RM17 juta bagi peruntukan pengurusan PDK tahun ini.

Berucap melancarkan fasa kedua program itu di PDK Puteri Gunung, Taman Tasek Indah, Simpang Ampat, dekat sini, semalam, Perdana Menteri berkata, peruntukan tambahan itu diluluskan dalam mesyuarat Kabinet, Rabu lalu.

Katanya, peruntukan itu diluluskan sejajar dasar kerajaan yang tidak mengabaikan OKU serta bagi memberi peluang kepada golongan berkenaan untuk berdikari.

"Kerajaan mengamalkan dasar penyayang, mahu menjadikan masyarakat yang penyayang dan prihatin. Ini juga bukti kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah berjiwa rakyat dan sentiasa mementingkan kebajikan terutama golongan OKU," katanya.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng.

Program Semai Bakti yang diilhamkan oleh Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, yang memfokuskan kepada PDK di tanah rancangan Felda, dilancarkan Perdana Menteri di Felda Jerangau Barat, Terengganu pada 18 April 2005.

Sehingga kini, sebanyak 379 PDK yang membabitkan seramai 9,514 OKU dengan 1,479

LIHAT MUKA 2